

'Cantum sawah kecil jadi ladang skala besar'

Pengurusan secara profesional jana untung elak petani terus miskin: PM

Oleh M Hifzuddin Ikhsan,
Siti Nur Mas Erah Amran
dan Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Pesawah kecil perlu mencantumkan tanah milik mereka bagi dijadikan ladang padi berskala besar yang diurus secara profesional dan menjana keuntungan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sekiranya usaha itu tidak dilakukan, pesawah kecil akan terus menjadi antara rakyat termiskin di negara ini yang bergantung kepada subsidi dalam penanaman sawah.

Katanya, sawah yang berkeluasan antara dua ke tiga hektar tidak mampu memberi keuntungan kepada pesawah sama seperti kebun sawit atau getah yang diusahakan secara kecil-kecilan.

"Disebabkan itu kita kena cantumkan sawah menjadi ladang besar berkeluasan antara 1,000 ke 2,000 hektar dan diurus individu yang pakar seperti dalam industri

sawit dan getah yang diusahakan syarikat perladangan.

"Ladang padi ini kemudian guna cara tanaman, alatan dan jentera moden serta baja yang terbaik bagi membolehkan hasil padi meningkat sehingga pesawah mendapat untung," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Padi Kebangsaan 2019 di sini, semalam.

Yang hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Dr Mahathir berkata, petani boleh menambahkan lagi pendapatan sepanjang tahun apabila sawah berskala besar diusahakan dengan tanaman lain seperti sayur, durian, nanas atau ternakan seperti itik.

Beliau berkata, kerajaan ada menerima pandangan daripada salah seorang bekas peneraju syarikat perladangan negara yang boleh menjadi rangka untuk melaksanakan program perladangan padi berskala besar.



Dr Mahathir melihat anak benih padi yang menggunakan teknologi 'Bayer SeedGrowth' ketika melawat tapak pameran sempena majlis perasmian Konvensyen Padi Kebangsaan 2019 di Alor Setar, semalam. (Foto BERNAMA)

Katanya, Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohd Bakke Salleh yang berpengalaman mencantumkan tanah sawit ketika beliau berkhidmat di syarikat perladangan Sime Darby sebelum ini, membentangkan cadangan berhubung percantuman tanah yang boleh digunakan dalam penanaman padi secara besar-besaran.

"Dia (Mohd Bakke) biasa dengan pengurusan ladang sawit dan getah selain pernah menulis kertas kerja berkenaan cara men-

cantumkan tanah supaya jadi lebih besar tetapi tidak terhad kepada padi sahaja," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, perubahan yang dicadangkan ini adalah radikal dan mungkin sukar dilaksanakan pesawah tradisional, namun ia perlu dibuat bagi menjamin masa hadapan mereka.

"Jika cara ini (ladang padi) diterima, saya yakin pesawah tidak lagi miskin kerana negara mengimport sayur-sayuran bernilai RM60 bilion setahun, se-

dangkan pesawah juga boleh tanam sayur tanpa menggunakan tanah yang luas.

"Pesawah yang masih bertena-ga juga boleh bekerja di ladang padi dan menerima upah tanpa kehilangan hak mereka dan mendapat keuntungan mengikut keluasan tanah yang dicantumkan," katanya.

Menyentuh mengenai keluasan sawah yang semakin mengecil di negara ini, beliau berkata, ia tidak dapat dielak kerana manusia juga memerlukan tempat tinggal dan tanah terpaksa diambil untuk tujuan itu.

"Alor Setar dahulu dikelilingi sawah, tetapi kini sudah banyak rumah dan kita tidak dapat elak ia daripada berlaku.

"Apa yang penting bukan keluasan sawah, tetapi keupayaan pesawah mengeluarkan hasil yang lebih tinggi melalui penggunaan teknologi moden seperti di negara luar," katanya.